

TANAMAN BERMANFAAT DI LADANG SAWIT

Humaira Mat Taib

Unit Khidmat Pengembangan, Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

PENGENALAN

Tanaman bermanfaat merupakan salah satu komponen dalam sistem Pengurusan Perosak Bersepadu. Bagi serangga perosak ulat bungkus, Pengurusan Perosak Bersepadu yang dibangunkan MPOB menggabungkan tiga komponen iaitu penggunaan bakteria bermanfaat, *Bacillus thuringiensis* (Bt), tanaman bermanfaat dan serangga pemangsa.

Tanaman bermanfaat membekalkan sumber pemakanan dan perlindungan bagi serangga pemangsa, iaitu musuh semulajadi ulat bungkus dan serangga perosak daun sawit yang lain. Serangga perosak ini telah menyebabkan kerugian besar dalam industri sawit di Malaysia. Konsep menanam tanaman bermanfaat ini bertujuan untuk memanjangkan jangka hayat dan kesinambungan musuh semula jadi ulat bungkus dan perosak daun sawit.

JENIS TANAMAN BERMANFAAT

Terdapat empat jenis tanaman bermanfaat yang sering ditanam di ladang sawit bagi mengawal serangan ulat bungkus. Ia adalah *Euphorbia heterophylla*, *Cassia cobanensis*, *Antigonon leptopus* dan *Turnera subulata*.

1. *Cassia cobanensis*



- Tanaman *C. cobanensis* adalah tanaman bermanfaat yang paling berkesan untuk kawalan ulat bungkus.


- Ia disyorkan ditanam melalui keratan batang kerana bijinya sukar untuk diperoleh. Keratan perlu dipotong sepanjang 15-20 cm dan sekurang-kurangnya mempunyai tiga mata tunas.
- Sebanyak 1-2 keratan disemai dalam polibeg saiz 15 x 23 cm.
- Ia perlu disiram setiap hari bagi memastikan pertumbuhan yang baik.
- Tumbuhan ini sedia untuk ditanam di ladang selepas 3-4 bulan disemai.

2. *Turnera subulata*



- Tanaman *T. subulata* perlu ditanam secara keratan batang.
- Keratan batang yang masih mempunyai bunga didapati mempunyai kadar pertumbuhan yang tinggi.
- Ia sedia untuk ditanam di ladang selepas 2-3 bulan disemai.

3. *Antigonon leptopus*



- Tanaman *A. leptopus* adalah sejenis tumbuhan menjalar.
- Ia boleh ditanam melalui keratan batang atau biji benih.
- Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhannya adalah rendah. Oleh itu, disyorkan supaya 2-3 keratan ditanam untuk setiap polibeg.
- Tumbuhan ini sedia untuk ditanam di ladang dalam tempoh 4-5 bulan selepas disemai.

4. *Euphorbia heterophylla*



- Tanaman *E. heterophylla* adalah jenis renek dan berbatang lembut.
- Tanaman ini jarang ditanam di ladang sawit kerana kesukaran untuk mendapatkan anak benih yang mencukupi.
- Ia mempunyai jangka hayat yang pendek dan sensitif kepada tanah yang berasid tinggi.

KAEDAH PENANAMAN

- Kadar penanaman tanaman bermanfaat yang disyorkan di ladang adalah 60% *C. cobanensis*; 20% *A. leptopus* dan 20% *T. subulata*. Bagi setiap 10 m tanaman bermanfaat, 6 m perlu ditanam dengan *C. cobanensis* dan *A. leptopus* dan *T. subulata* ditanam di kedua-dua belah dengan jarak 2 m.
- Ketiga-tiga jenis tanaman bermanfaat ini ditanam dengan jarak 1 m di dalam baris yang sama. Disyorkan tanaman ini ditanam di kawasan yang mempunyai sistem perparitan yang baik dan batas perlu disediakan sebelum menanam.
- *A. leptopus* merupakan tumbuhan berbunga yang menjalar. Oleh itu, ia boleh dibiarkan menjalar pada pagar atau sediakan kayu penyokong. Walau bagaimanapun, *A. leptopus* juga sesuai ditanam di tepi parit dan kawasan dengan cahaya matahari yang mencukupi.
- Kawalan rumpai di kawasan penanaman tanaman bermanfaat yang baru ditanam perlu dilakukan bagi memastikan kadar pertumbuhannya baik dan subur.

- Pembajaan selalunya tidak perlu dan bergantung kepada pertumbuhan tanaman berkenaan.
- Sebelum menanam, tabur 10 g baja fosfat yang berfungsi sebagai penggalak akar ke dalam lubang tanaman. Jarak yang disyorkan ialah 60 cm x 60 cm.
- Penanaman tanaman bermanfaat di kawasan yang pernah diserang ulat bungkus perlu diutamakan.
- Bagi kawasan yang tiada serangan ulat bungkus, dicadangkan tanaman bermanfaat ditanam di beberapa tempat sahaja. Ia hanya sebagai sumber bahan tanaman sekiranya terdapat serangan ulat bungkus pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Peranan tanaman bermanfaat di ladang sawit sangat penting. Ia dapat membantu mengekalkan keseimbangan ekosistem semulajadi di kawasan penanaman sawit. Selain itu, tanaman bermanfaat turut berfungsi sebagai salah satu kaedah pencegahan awal sebelum serangan ulat bungkus yang kritikal. Dengan mengekalkan tanaman bermanfaat di ladang, populasi musuh semulajadi ulat bungkus dapat dikekalkan untuk kawalan ulat bungkus jangka masa panjang.

RUJUKAN

MPOB dan JABATAN PERTANIAN (2016). Garis Panduan Prosedur Operasi Standard (SOP) Kawalan Ulat Bungkus. MPOB, Bangi, Selangor.

NORMAN, K dan BASRI, M W (2010). Interactions of the bagworm, *Pteroma pendula* (Lepidoptera: Psychidae), and its natural enemies in an oil palm plantation in Perak. *J Oil Palm Res.* Vol. 22: 758-764.

NORMAN, K; BASRI, M W; RAMLE, M; SITI RAMLAH, A A dan ZULKIFLI, M (2009). Kumbang Pendebungan, perosak sawit dan kawalannya. *Perusahaan Sawit di Malaysia Satu Panduan*. MPOB, Bangi, Selangor. m.s. 203-204.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Lembaga Minyak Sawit Malaysia,
6, Persiaran Intitusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor.**

Tel: 03-8769 4400

Faks: 03-8925 9642

E-mel: humaira@mpob.gov.my

Talian Hotline: 03-8925 1122